



**ASPEK FORMALISTIK DALAM LUKISAN PELAJAR DAN
FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA.
(Kajian Kes Ke Atas Lima Orang Pelajar Tingkatan
Tiga Di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
Yoke Kuan, Sekinchan, Selangor)**

MOHD YUSOF BIN MARSIDIN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM**

**PENSYARAH PENYELIA
PROF.DR.TJETTJEP ROHENDI ROHIDI**

MEI 2006



PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

April 2006

MOHD YUSOF BIN MARSIDIN
No. Metrik 200301193



SEKALUNG BUDI

Dengan nama ALLAH yang maha pemurah lagi maha penyayang. Syukur ke hadrat ALLAH SWT, kerana usaha saya untuk menyiapkan disertasi ini akhirnya dapat disempurnakan, meskipun pelbagai rintangan dan masalah terpaksa saya hadapi. Jutaan terima kasih tidak terhingga kepada warga akademik Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, khasnya kepada penyelia saya, Yang Berbahagia Profesor Dr.Tjeptjep Rohendi Rohidi dan Encik Roskang Jailani yang memberi tujuk ajar dengan sepenuh hati tanpa jemu. Terima kasih kepada Pengetua SMJK Yoke Kuan dan semua kakitangannya. Tidak lupa juga, kepada Saudara Muhammad Ridzuan Tony Lim Abdullah, Saudara Baharuddin Sairi, rakan-rakan guru yang memberi galakan serta para pelajar yang sudi bekerjasama untuk ditemu bual sebagai responden dalam tugas ini. Tidak ketinggalan kepada isteri dan anak-anak yang memahami serta mendoakan kejayaan saya, pengorbanan mereka semua amat besar dan bermakna buat saya yang serba kekurangan ini. Semoga ALLAH SWT akan membalas budi baik semua pihak, dengan sebaik-baik balasan. Akhirnya, saya berharap usaha kecil saya ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan, khususnya Pendidikan Seni Visual yang saya cintai ini, agar dapat terus berkembang maju bagi menyumbang sesuatu yang bermakna dalam arus pendidikan negara.

Sekian, Wassalam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji masalah tentang aspek-aspek formalistik dan faktor yang mempengaruhi lukisan lima pelajar tingkatan tiga. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kes secara kualitatif dengan menggunakan pemerhatian, temubual dan analisa karya sebagai alat kajian bagi mengukuhkan dapatan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik meninjau sikap pelajar terhadap aktiviti melukis tentang aspek kognitif (pemikiran), afektif (emosi), dan psikomotor (tingkah laku). Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa karya lukisan yang dihasilkan oleh pelajar tingkatan tiga, banyak dipengaruhi oleh faktor sikap yang didukung pemikiran, emosi dan tingkah laku serta pengalaman peribadinya.





ABSTRACT

This is a study on problems related to formalistic aspects and factors affecting the artworks of five form three students. The study adopted the qualitative case study method through observation, interview and analysis of student's artwork. The researcher examined the students' attitude towards the drawing activity in the aspect of cognitive (thought), affective (emotion) and psychomotor (behavior). The findings revealed that, the artwork of the students were influence by the attitude factor which was governed by their thoughts, emotion, behavior and their personal experiences.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
SEKALUNG BUDI	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI GAMBAR	xi

BAB1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Pendidikan Seni Visual Dalam Sistem Pendidikan.	2
1.2	Pernyataan Masalah	18
1.3	Objektif Kajian	20
1.4	Persoalan Kajian	21
1.5	Kepentingan Kajian	21
1.6	Batasan Kajian	23
1.7	Definisi Istilah	24
1.8	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	30
2.1	Literatur Berkaitan – petikan kajian-kajian lepas yang berkaitan.	31
2.2	Minat Melukis – Tinjauan minat dan tingkahlaku pelajar.	34
2.3	Kajian berkaitan minat, kecenderungan dan kebolehan pelajar.	36
2.4	Rumusan -Intisari Tinjauan.	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	44
3.1	Pendekatan Kajian- kaedah kualitatif, reka bentuk kajian kes.	45
3.2	Kaedah kualitatif – rasional menggunakan kaedah kualitatif.	46
3.3	Kajian Kes – temubual, pemerhatian dan analisis.	49
3.3.1	Temubual	49



3.3.2	Pemerhatian	52
3.3.3	Ciri-ciri Pemerhatian, unit tingkah laku dan generalisasi.	53
3.3.4	Analisa karya	54
3.4	Sasaran Kajian dan Perolehan Data	55
3.4.1	Profil Sasaran Kajian	55
3.4.2	Perolehan Data Terkumpul	58
3.4.3	Perolehan Data Pemerhatian	59
3.4.4	Perolehan Data Temubual	60
3.4.5	Perolehan Data Analisa	61
3.5	Prosedur Pengumpulan Data- rakaman temu bual, pemerhatian dan analisis.	62
3.5.1	Rakaman Temu Bual	63
3.5.2	Pemerhatian	66
3.5.3	Analisa Karya	66
3.5.4	Jadual Analisa Karya	69
3.6	Prosedur Penganalisisan Data – Teknik ‘triangulasi’ tiga data.	69
3.7	Aliran Pengumpulan Data dan Penganalisisan Data	71
3.8	Rumusan	73

BAB 4 LAPORAN PENYELIDIKAN

4.0	Pengenalan	74
4.1	Gambaran Umum Lokasi Kajian.	75
4.2	Proses Pengajaran dan Pembelajaran	80
4.2.1	Orientasi Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 2 Tahun 2005	80
4.2.2	Arahan	80
4.2.3	Soalan / Tajuk	80
4.2.4	Laporan Deskripsi Karya Peperiksaan.	81
4.2.5	Deskripsi Karya 1 Subjek 1 (S1) Nur Syafitrah	82
4.2.6	Deskripsi Karya 1 Subjek 2 (S2) Mohd Haiqal	86
4.2.7	Deskripsi Karya 1 Subjek 3 (S3) Lee Mei Qi	89
4.2.8	Deskripsi Karya 1 Subjek 4 (S4) Loo Lin Kwan	92
4.2.9	Deskripsi Karya 1 Subjek 5 (S5) Kanniga	95
4.2.10	Orentasi Latihan dalam Kelas	98
4.2.11	Objektif Pengajaran	98
4.2.12	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	98
4.2.13	Bahan dan Teknik	99
4.2.14	Bahan Bantu Mengajar	99
4.2.15	Laporan Deskripsi Latihan Dalam Kelas	99
4.2.16	Deskripsi Karya 2 Subjek 1 (S1) Nur Syafitrah	100
4.2.17	Deskripsi Karya 2 Subjek 2 (S2) Mohd Haiqal	103
4.2.18	Deskripsi karya 2 Subjek 3 (S3) Lee Mei Qi.	107
4.2.19	Deskripsi karya 2 Subjek 4 (S4) Loo Lin Kwan.	110
4.2.20	Deskripsi karya 2 Subjek 5 (S5) Kanniga.	114

4.3	Minat Pelajar Terhadap P & P Melukis Bentuk.	118
4.3.1	Temu bual dengan S1 – Nur Syafitrah	118
4.3.2	Temu bual dengan S2 – Mohd Haiqal	121
4.3.3	Temu bual dengan S3 – Lee Mei Qi	124
4.3.4	Temu bual dengan S4 – Loo Lin Kwan	126
4.3.5	Temu bual dengan S5 – Kanniga	129
4.4	Tingkah Laku dan Minat Pelajar Terhadap P & P Melukis Bentuk.	132
4.4.1	Subjek 1 (S1): Nur Safitrah.	133
4.4.2	Subjek 2 (S2): Mohd Haiqal.	134
4.4.3	Subjek 3 (S3): Lee Mei Qi.	135
4.4.4	Subjek 4 (S4): Loo Lin Kwan.	137
4.4.5	Subjek 5 (S5): Kanniga.	138
4.5	Minat Pelajar Terhadap P & P Melukis Bentuk.	139
4.6	Persepsi Pelajar Terhadap Kemahiran dan Kecekapan Guru.	140
4.7	Keupayaan Melukis Bentuk - Penguasaan Kemahiran.	142
4.8	Rumusan	143

BAB 5 PENEMUAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	145
5.1	Punca-punca yang mempengaruhi hasil karya pelajar	146
5.2	Diskusi Kajian	149
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	153
5.4	Rumusan	154

Bibliografi	156
-------------	-----

Lampiran A	<i>Soalan Temu Bual</i>	162
Lampiran B	<i>Gambar Karya Pelajar</i>	163
Lampiran C	<i>Senarai Responden</i>	165
Lampiran D	<i>Surat Permohonan Menjalankan Kajian</i>	166
Lampiran E	<i>Surat Perlantikan Penyelia</i>	168
Lampiran F	<i>Surat Pengesahan Diri</i>	169
Lampiran G	<i>Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian</i>	170

SENARAI JADUAL

Jadual	Nama Jadual	Muka Surat
1	Inventori pemerhatian tingkah laku Pelajar	65
2	Analisis Karya	67 dan 68

SENARAI RAJAH

Rajah	Nama Rajah	Muka Surat
1	Strategi Penganalisisan Triangulasi Tiga Data	70
2	Aliran Pengumpulan Data dan Penganalisisan Data	72
3	Pelan Kedudukan Bilik Seni	73

SENARAI GAMBAR

Gambar	Nama Gambar	Muka Surat
1	Karya 1/S1	82
2	Karya 1/S2	86
3	Karya 1/S3	89
4	Karya 1/S4	92
5	Karya 1/S5	95
6	Karya 2/S1	100
7	Karya 2/S2	103
8	Karya 2/S3	107
9	Karya 2/S4	110
10	Karya 2/S5	114

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini memaparkan latar belakang mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam sistem pendidikan, akta serta peraturan yang mewajibkan pengajarannya dilaksanakan di mata pelajaran ini.sekolah. Turut dijelaskan matlamat dan rasionalnya nama mata pelajaran Lukisan, Seni Lukis dan Pertukangan, dan Pendidikan Seni ditukar kepada Pendidikan Seni Visual. Sukatan pelajaran, objektif, organisasi kurikulum serta isi kandungan



pelajaran Pendidikan Seni Visual dihuraikan secara ringkas bagi memberikan fokus kajian ke atas mata pelajaran ini.

Perbezaan objektif mata pelajaran Lukisan dan Seni Lukis dengan objektif mata pelajaran Pendidikan Seni Visual akan diulas secara ringkas bagi mengetengahkan anjakan paradigma pendidikan masa kini.

Turut dinyatakan dalam bahagian ini juga, pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian ini dilakukan. Soalan dan batasan kajian dijelaskan sebagai garis panduan serta ruang lingkup kajian. Pada akhir bab ini, diperincikan pula definisi istilah ‘Aspek, Formalistik, Lukisan Pelajar, Aspek, Mempengaruhinya, Analisis, Lukisan, Bentuk, Keupayaan, dan Melukis’ bagi menerangkan maksud serta istilah yang berkaitan bagi menjelaskan maksud tertentu yang merupakan kunci kajian ini dijalankan.

1.1 Latar Belakang Pendidikan Seni Visual Dalam Sistem Pendidikan.

Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran penting dalam kurikulum sekolah-sekolah di negara ini. Ianya diwajibkan pada peringkat sekolah rendah dan menengah rendah, manakala di peringkat menengah atas pula adalah sebagai mata pelajaran elektif atau pilihan. Semua ini termaktub dalam seksyen 18 dan 130, Akta Pendidikan 1996, (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih, 2003. (Pendidikan Seni





Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003:9)

Menurut Ahmad Ghazie (2000), ketika membicarakan “Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Di Sekolah Dulu, Kini dan Masa Depan” dalam Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000, Kuala Lumpur, memetik kandungan Kurikulum Lama Sekolah Menengah, seperti berikut; ‘Dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) mata pelajaran Pendidikan Seni dikenali sebagai Seni Lukis dan Pertukangan. Mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia (1973) sukatan pelajaran seni lukis ditujukan untuk memupuk perasaan menghargai, penikmatan nilai indah, kemahiran mencipta di samping mengadakan asas yang kukuh bagi perkembangan kebudayaan. Kandungan aktiviti bagi tingkatan 1 hingga tingkatan 4 adalah membuat gambar, lukisan bentuk orang, seni grafik, lukisan benda dan kajian tumbuh-tumbuhan, melakar, seni huruf, memodel dan seni ukir, seni tembikar, menjilid buku, seni patung, menenun/mengayam, mengecap kain, sulam menyulam, anyaman buluh dan rotan, seni arca dan penikmatan seni. Bagi Tingkatan 5 tumpuan aktiviti adalah kepada peperiksaan. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti lukisan atau lukisan berwarna alam benda, lukisan atau lukisan berwarna alam semula jadi, lukisan atau lukisan berwarna orang hidup, gubahan fikiran asli berwarna, pertukangan tangan A dan pertukangan tangan B’.(Ahmad Ghazie, 2000:69). Dalam kandungan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, beliau menjelaskan;

‘Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dirancang dengan teratur, kemas dan sistematik. Kandungan kurikulum Pendidikan Seni KBSM mengandungi matlamat, objektif, panduan nilai dan





organisasi kandungan. Matlamat Pendidikan Seni sekolah menengah secara amnya adalah untuk melahirkan individu imajinatif, kreatif, berpengetahuan, dan peka terhadap ciri-ciri estetik. Ini adalah untuk membolehkannya menggunakan seni dalam kehidupan seharian. Terdapat dua belas objektif Pendidikan Seni Dalam KBSM. Secara amnya objektif ini adalah membolehkan pelajar meningkatkan kefahaman tentang asas seni reka, menghasilkan karya seni, menghargai keindahan alam, menghargai subangan tokoh seni dan kraf serta menyedari jenis kerjaya dalam bidang seni'.(Ahmad Ghazie, (2000:70), 'Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Di Sekolah Dulu, Kini dan Masa Depan', Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000, Kuala Lumpur.)

Pendidikan Seni Visual adalah proses yang mantap dalam membentuk diri individu yang berkualiti tinggi dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan peri pentingnya pemupukan nilai-nilai JERI dalam menentukan arah tuju insan yang kreatif, inovatif, efektif dan kritis.

Sejajar dengan perubahan paradigma pendidikan negara, Pendidikan Seni Visual yang asalnya dinamakan Lukisan, diikuti dengan nama Seni Lukis dan Pertukangan Tangan, kemudiannya Pendidikan Seni, kini telah diberi nafas baru dengan penambahan perkataan 'visual' sebagai pengkhususan terhadap ruang lingkup seni tampak yang diajarkan di sekolah-sekolah. Mata Pelajaran Pendidikan Seni KBSM telah disemak semula pada tahun 1999 dengan nama barunya Pendidikan Seni Visual, (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Rancangan Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah telah disusun semula supaya ia selaras dengan perkembangan terkini untuk memastikan keseimbangan penekanan kepada kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual itu sendiri, bukanlah lukisan yang ditekankan semata-mata. Seni Visual, buat masa ini boleh





dianggap sempurna dari segi kesesuaian istilah semasa. (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Visual dalam bahasa Melayu bermakna tampak yang membawa maksud (Kamus Dewan Edisi Baru, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, K.Lumpur, 1993:1452) ‘tidak terlindung, dapat dilihat, nyata kelihatan, ketara’ atau ‘*in full view*’ dalam bahasa Inggeris. Perkataan ‘visual’ atau tampak dalam Bahasa Melayu sebenarnya merujuk kepada bidang-bidang seni rekaan, seni halus, komunikasi visual, reka bentuk industri serta kraf tradisional dan kraf dimensi baru. Perlu diingat bahawa Pendidikan Seni Visual tidak sama sekali merujuk kepada bidang seni yang lain seperti seni tari, seni silat, seni suara, seni lakon dan sebagainya. Pendidikan Seni terlalu umum dan boleh ditafsirkan dalam pelbagai kegiatan seni. Oleh sebab itu perkataan Pendidikan Seni Visual lebih sesuai bagi merujuk bidang seni lukis yang dipelajari di sekolah. (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Matlamat mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah dan menengah adalah untuk melahirkan dan membentuk insan yang harmonis, kritis, kreatif, inovatif, inventif dan produktif menerusi pemupukan peribadi generasi Malaysia yang celik budaya dengan nilai-nilai estetika yang tinggi. Kandungan kurikulumnya diharapkan dapat membantu pelajar meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Allah, menghargai keindahan alam dan persekitaran, menghargai keindahan seni dan warisan bangsa serta





dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bertitik tolak daripada penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), (1973) jesteru berlaku usaha-usaha penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkeperibadian mulia, seimbang dan harmonis (JERI). Hasrat ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), bertujuan memperkasakan sistem pendidikan bagi memupuk penyatuan dan perpaduan bangsa menerusi keperibadian mulia agar menjadi warganegara yang baik dan berakhlak melalui sukatan pelajaran serta kegiatan-kegiatan dalam dan luar sekolah. Pencapaian seumpama ini adalah berkait rapat dengan perakuan-perakuan Laporan



Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Dasar Pelajaran 1979, (Abdul Rahman Arshad,

1988) Kajian-kajian yang dijalankan terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah meningkatkan martabat mata pelajaran itu sendiri sebagai mata pelajaran yang berupaya memperkembangkan kualiti peribadi pelajar dari segi estetik, kreatif dan persepsinya adalah usaha utama yang cuba diterapkan dalam subjek ini. Pelajar perlu didampingi supaya mereka berupaya mencapai kepuasan dan kesedaran terhadap bakat dan juga kemampuan diri mereka dalam bidang seni (Fatimah Abu Bakar, 1992).

Ibrahim Hassan (1988), berpendapat bahawa, usaha-usaha membuat kajian terhadap perkembangan dan kesesuaian elemen asas di dalam pendidikan seni adalah sangat berharga dan perlu diperkembangkan lagi kerana pendidikan seni bukan sekadar untuk aktiviti pengayaan, malah perlu dianggap sebagai kemahiran asas yang setaraf dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira .





Institusi sekolah misalnya, mempunyai tanggungjawab penting bagi memberikan ilmu di samping mendidik dan membentuk akhlak mulia anak-anak didiknya. Selain itu, pelbagai aktiviti riadah turut disediakan bagi memberikan mereka pengalaman dan persediaan dalam menghadapi masa depan. Aktiviti ko-kurikulum yang dimaksudkan itu ada yang berbentuk sukan, persatuan dan juga unit pakaian seragam. Aktiviti-aktiviti seperti ini bukan sahaja memberikan keseronokan dan pengalaman malahan kepuasan kanak-kanak di sekolah. Justeru, sekolah perlu menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Hal ini kerana “...mereka perlu dibekalkan dengan jati diri yang kukuh serta kemahiran membuat keputusan bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005:1)



Proses pembelajaran terdiri daripada beberapa fasa iaitu motivasi, perhatian, jangkaan, perolehan ingatan kembali, pemilihan persepsi, mengkod dan penyimpanan jangka panjang, gerak balas atau prestasi, maklum balas dan peneguhan serta generalisasi atau pemindahan pembelajaran (Gagne, R.M.,1977).

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual juga dilihat berpotensi mempunyai keupayaan sebagai mata pelajaran yang boleh membantu mencurahkan emosi yang tersirat akibat pembelajaran lain, sebagaimana menurut Maher (1961) dalam Hassan, 1993, dalam Hairunnaja Najmuddin (2002:46): *Psikologi Ketenangan Hati – Panduan Merawat Jiwa Yang Selalu Gundah dan Gelisah*. “...tindak balas perasaan takut yang ditimbulkan oleh rangsangan rangsangan tertentu yang sepatutnya tidak menghasilkan perasaan tersebut. Tetapi seseorang itu boleh melahirkan tindak balas emosi akibat proses pembelajaran lalu”.





Pendidikan Seni Visual sekolah menengah lebih mengutamakan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi pelajar. Dengan ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan pertimbangan seni visual, meningkatkan lagi kepekaan, menjadi pengkarya yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan membawa bersama nilai yang disebutkan.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah merangkumi perkara yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Pelajar dilatih untuk melihat sesuatu dengan perspektif yang lebih luas sama ada daripada aspek estetik mahupun aspek gunaan. Melalui kefahaman aspek di atas, pelajar dapat diterapkan dengan penghayatan warisan seni visual dan mengamalkannya dalam kehidupan, terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup. Pelajar akan didedahkan dengan ilmu seni visual yang berkaitan dengan bidang tertentu dan menerapkan budaya menghargai serta mengaplikasi ilmu yang diperolehi secara bersama. Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003) dibentuk dengan objektif;

1. Menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan.
2. Memupuk budaya penyelidikan dalam proses penghasilan karya seni visual.





3. Meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya.
4. Menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti.
5. Membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual.
6. Mendapat nilai tambah dalam disiplin sains, teknologi dan mata pelajaran lain.
7. Menghargai sumbangan dan pengaruh tokoh-tokoh seni visual dalam konteks perkembangan sejarah seni visual di Malaysia dan antarabangsa.
8. Menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.
9. Menyedari dan menghargai suasana seni dalam persekitaran dan kaitan dengan keselesaan hidup.
10. Membina jati diri ke arah pembentukan negara dan bangsa.

Sementara itu, Lukisan dan Seni Lukis lebih mengutarakan objektif berbentuk kemahiran psikomotor (Rancangan Lima Tahun Akademik, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yoke Kuan, Sekinchan, Selangor, 1990 – 1994) di antaranya;

1. Suatu pilihan subjek di antara beberapa subjek yang perlu dipilih.
2. Mudah dipelajari dan mudah mendapat grade yang baik berbanding subjek-subjek lain.





3. Menambah kemahiran melukis atau asas melukis yang juga berguna untuk melukis gambarajah dalam subjek sains, ilmu alam, sejarah, matematik dan lain-lain.
4. Menambahkan kemahiran asas melukis yang boleh disesuaikan ke peringkat yang lebih tinggi seperti institusi seni lukis, bidang pekerjaan seperti pengiklanan, pelukis grafik dan sebagainya.
5. Melibatkan diri dalam pameran, pertandingan melukis, melukis mural dan lain-lain yang berkaitan dengan keperluan seni lukis itu sendiri.

Objektif-objektif yang disebutkan di atas, terdapat sedikit perbezaan dengan objektif Pendidikan Seni Visual yang lebih menjurus kepada pembangunan insan, selain dari aspek kemahiran-kemahiran yang ditekankan. Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003) telah disusun berdasarkan kandungan yang dibahagikan kepada:

1. Penghasilan seni visual
2. Sejarah dan apresiasi seni visual

1. Penghasilan Seni Visual menyediakan peluang kepada pelajar mengaplikasi kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan asas seni reka dalam pelbagai teknik. Proses penghasilan ini memberatkan pernyataan idea yang berkaitan dengan pernyataan sendiri, masyarakat dan nilai kenegaraan. Sehubungan itu latar belakang budaya dan nilai masyarakat yang terdapat dalam sesuatu karya seni





diperkenalkan. Aspek sains dan teknologi diperkenalkan secara terus untuk membantu kegiatan seni. Bidang ini meliputi asas seni reka, seni halus (lukisan, catan, arca dan cetakan), komunikasi visual (seni grafik dan multimedia), reka bentuk (reka bentuk industri dan reka bentuk persekitaran) serta seni kraf tradisional dan dimensi baru.

Bidang Penghasilan Seni Visual meliputi:

- a) Asas Seni Reka
 - i) Unsur Seni: garisan, rupa, bentuk, ruang, jalinan dan warna
 - ii) Prinsip Rekaan: harmoni, penegasan, imbangan, kontra, irama dan pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan.
- b) Seni Halus: lukisan, catan, arca dan cetakan
- c) Komunikasi Visual: reka bentuk grafik dan multimedia
- d) Reka Bentuk: reka bentuk industri dan reka bentuk persekitaran (hiasan dalaman dan lanskap)
- e) Kraf Tradisional dan Dimensi Baru: tembikar/seramik, batik, ukiran kayu, anyaman, tenunan dan tekat. Bidang ini memberi peluang kepada murid membuat kajian pemahaman terhadap hasil seni visual dalam budaya tempatan, kebangsaan dan negara ASEAN serta negara tertentu yang mempunyai kesamaan dan kelainan dengan budaya kebangsaan. Murid dapat menyatakan kefahaman, membuat apresiasi dan kritikan seni.

Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual meliputi :

- a) Perkembangan Seni Visual di Malaysia
 - i) Seni Halus, gerakan seni halus, pelukis, penghasilan dan sumbangan.





- ii) Kraf Tradisional dan Pribumi, tokoh, penghasilan dan sumbangan.
 - b) Peralatan senjata dan domestik
 - c) Alat permainan gasing, wau dan alat muzik tradisional
 - d) Seni bina kediaman, masjid, wakaf, gerbang, makam dan taman
 - e) Kenderaan darat dan laut atau sungai
2. Sejarah dan Aprisiasi Seni Visual sekolah menengah mengetengahkan bidang
- a) Pakaian baju kurung, baju melayu, baju kedah, baju cekak musang dan lain-lain.
 - b) Perhiasan (Ornamen) hiasan kepala, hiasan leher, hiasan tangan, hiasan kaki dan hiasan pinggang.



Kedua-dua bidang tersebut menjurus kepada matlamat Pendidikan Seni Visual dan juga matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tujuannya adalah untuk pembinaan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dijalankan dalam bentuk teori dan praktikal tetapi pendekatannya bergantung kepada kebijaksanaan guru untuk mengendalikannya asalkan meliputi tiga domain iaitu, pengetahuan, kemahiran dan nilai. Perkara yang ditegaskan dalam bidang penghasilan seni visual adalah kegiatan kreatif yang melibatkan benda-benda yang dapat disentuh, dilihat dan diimaginasi bagi menggalakkan perkembangan persepsi dan daya intuisi. Dengan ini diharapkan fahaman nyata dan abstrak dapat diselaraskan dan pemupukan minat terhadap Pendidikan Seni Visual dapat dikembangkan.





Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual memberi tumpuan kepada pengalaman seni dalam kehidupan harian dalam budaya kebangsaan. Perbandingan dengan seni tempatan dengan budaya luar juga digalakkan bagi memperlihatkan keseimbangan pendedahan dalam bidang seni visual termasuk kraf kebangsaan demi mengenali seni visual dalam evolusi budaya kebangsaan. Jelasnya kemahiran yang akan dikuasai pelajar melalui Pendidikan Seni Visual ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran membuat pilihan dan keputusan yang tepat, kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat, kemahiran bekerjasama dan kemahiran pengurusan. Bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran ini guru perlu mengintegrasikan kedua-dua bidang ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam penghasilan seni visual pula, kegiatan harus melibatkan penerokaan, pewujudan idea, perkembangan idea, pembelajaran secara terancang, penggunaan teknologi, alat dan bahan melalui teknik tertentu. Semua kegiatan seni yang disebutkan tadi mengutamakan kajian-kajian sebelum, semasa dan selepas proses penghasilan dengan tujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan di kalangan pelajar.

Cara pengajaran pendidikan seni visual tidak sama dengan pengajaran matematik, sains dan lain-lainnya, meskipun matlamatnya sama. Menurut Highet, G. (1968), dalam *'Pedagogi Satu Pengenalan - Edisi Ketiga'* oleh Ee Ah Meng (1992:9), menyatakan bahawa, pengertian pengajaran adalah tidak lengkap jika dianggap sebagai sains sahaja. Sebaliknya, pengajaran boleh dianggap sebagai satu seni kerana ia melibatkan emosi dan nilai-nilai manusia. Pengajaran seni tidaklah sama dengan tindak balas kimia; ia lebih





merupakan tindakan menghasilkan suatu lukisan, mencipta sesuatu yang baru (inovasi), memahami bahasa tampak, menghasilkan bahan kreatif dan pelbagai lagi, yang memerlukan kemantapan mental, kemahiran psikomotor berkualiti yang tidak boleh dicapai melalui teori atau formula sahaja. Seni adalah sesuatu yang subjektif dan infiniti, objektifnya luas, aktivitiya bebas (tapi terancang).

Hasil lukisan adalah lahir daripada pemikiran rasional mereka yang mentafsir kefahaman dari konsep bahasa tampaknya. Aktiviti melukis dan 'kebahasaan' sebenarnya berada dalam hemisfera otak yang berbeza. Kajian-kajian tentang peranan otak telah dilakukan sejak abad ke-19. Antaranya Paul Broca, Carl Wernicken, Gazzaniga dan yang terkenal ialah Roger Sperry (Mohd. Nashuha Jamidin, 1995, 18). Hasil kajian Roger



Sperry menunjukkan otak manusia terdiri daripada dua hemisfera yang mempunyai

peranan berbeza. Kebolehan berbahasa terletak pada hemisfera kiri (otak kiri) sedangkan kemahiran melukis berada di bahagian hemisfera kanan (otak kanan). Pembahagian kiri dan kanan melibatkan perbezaan dalam tahap memproses sesuatu maklumat. Kedua-dua hemisfera otak ini dapat digabungkan bagi menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna. Justeru, adalah wajar pengajaran bahasa dan aktiviti melukis disatukan. Gabungan antara keduanya dapat menghasilkan satu proses pembelajaran yang menarik dan berkesan. Berdasarkan kajiannya, didapati literalisasai otak berbeza antara kedua-dua hemisfera. Fungsi otak kiri lebih bertumpu pada aspek lisan, bacaan, berfikir dan menaakul. Sebaliknya otak kanan lebih bertumpu pada aspek melukis dan emosi. Kedua-dua hemisfera ini tidak sama cara memproses maklumat. Menurut Gazzaniga, M.S. (1983:87-157), (Mohd Nasuha jamidin, 1995:18), bagi otak kiri, prosesnya berjalan





secara berperingkat-peringkat sehingga mencapai kesempurnaan. Sebaliknya otak kanan menjalankan proses secara keseluruhan. Jelaslah, bahagian kiri otak lebih dominan dalam bahasa. Bahagian ini mengawal keseluruhan proses kebahasaan seseorang manakala otak kanan pula lebih dominan terhadap aktiviti bersifat kesenian seperti melukis. Para pendidik telah mengetahui bahawa setiap individu mempunyai cara dan keupayaan tersendiri dalam pernyataan dirinya menerusi hasil kerja seni.

Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran yang amat mementingkan kaedah (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Sebelum seseorang guru itu memilih sesuatu kaedah, mereka harus mempunyai pertimbangan-pertimbangan tertentu terhadap pelajar, kandungan pelajaran, objektif pelajaran dan persekitaran yang mampu merangsang pertumbuhan dan percambahan idea pelajar-pelajarnya. Teori yang dianggap sesuai adalah teori Pelbagai Kecerdasan (*Multiple Intelligence*) yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983)

“An intelligences entails the ability to solve problem or fashion product that are of consequence in a particular culture setting, the problem-solving skill allows one approach a situation in which a goal is to be obtained and to locate the appropriate route to that goal. The creation of a cultural project is crucial to capturing transmitting knowledge or expressing one’s view or feelings. The problems to be solved range from creating and end to a story to anticipating a mating move in chess to repairing a quilt. Product range from scientific theories to musical composition to successful political campaigns” Howard Gardner (1983), dalam (David G. Lazear, 1991:xi)

Kecerdasan dan keupayaan pelajar akan dapat dilihat dari sudut sikap yang sangat berkaitan dengan pemikiran (kognitif), emosi dan perasaan (efektif), serta tingkah laku (psikomotor) yang mengetengahkan pandangan dan pemahaman sesuatu fenomena yang



berlaku dari situasi sebenar dalam pendidikan. Perubahan perlu dilakukan untuk mencapai keperluan-keperluan tersebut melalui objektif-objektif pembelajaran yang ditentukan. (Pendidikan Seni Visual, Modul Pengajaran Dan Pembelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Teori pelbagai kecerdasan yang dimaksudkan adalah;

1. Kecerdasan Berbahasa (*verba / linguistic intelligence*)
2. Kecerdasan Logikal / Matematik (*logical / mathematical intelligence*), seringkali digelar pemikiran saintifik (*scientific thinking*), melibatkan pemikiran induktif dan deduktif, penaakulan, proses pengiraan dan struktur logik.
3. Kecerdasan Tampak / Ruang (*visual / spatial intelligence*). Kecerdasan ini berkaitan dengan pengamatan tampak, menghasilkan imej mental, peka dalam gambaran pola atau corak.
4. Kecerdasan Kinestetik (*body / kinesthetic intelligence*) Kecerdasan ini berkait rapat dengan pergerakan fizikal atau psikomotor, kebebasan tubuh badan dengan melibatkan tindakbalas otak.
5. Kecerdasan ritma / muzik (*musical / rhythmic intelligence*) Kecerdasan ini memberi ruang kepada penguasaan corak, ton, muzik dan bunyi. Mereka amat sensitif pada bunyi dan irama atau alunan muzik.
6. Kecerdasan interpersonal (*interpersonal intelligence*) Peranan perhubungan antara individu dari segi komunikasi dengan keupayaan mempengaruhi orang lain.



7. Kecerdasan intrapersonal (*interpersonal intelligence*). Pemahaman pada terhadap diri sendiri, kehendak, perasaan dan kesedaran yang dimiliki.
8. Kecerdasan Ekologi (*Ecology Intelligence*) Suatu keupayaan manusia untuk menyesuaikan dirinya dan mengadaptasi dengan suasana dan keadaan alam persekitarannya.
9. Kecerdasan Spiritual (*Spiritual Intelligence*) Suatu keupayaan diluar jangkaan manusia biasa, yang berkeupayaan bertindak atau berkomunikasi secara yang tidak lazim, mencakupi dimensi roh (ghaib) yang di luar keupayaan manusia biasa. (Kecerdasan spiritual atau dikenali juga sebagai kecerdasan eksistensial ini dikemukakan oleh Arvin Nathanael dan Ernst Adikara, *Kecerdasan*

Jamak: Mengenal, Memahami Dan Mengembangkannya. (2001)
<http://www.sekolahindonesia.com>

Menurut Arvin Nathanael dan Ernst Adikara (2001); setiap manusia yang normal biasanya memiliki kesembilan-sembilan kecerdasan yang dinyatakan, tetapi mengikut aras kekuatan atau kelebihan yang berbeza-beza. Kecerdasan tersebut boleh dipelajari dan dikuasai serta boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah individu untuk mencapai sesuatu tujuan, dengan menilai dan membuat refleksi serta menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara. Kecerdasan-kecerdasan ini biasanya tidak dapat berfungsi secara bersendirian atau terasing, namun ia akan terbukti keberkesanannya apabila berlaku gabungan atau amalan bersepadu.





Herbert Reid(1956)., melalui kajiannya terhadap pendidikan seni berpendapat bahawa “....kita tidak hanya mengajar kanak-kanak mengetahui, tetapi pada masa yang sama mengajar mereka mencipta”. Pendapat ini menunjukkan adanya perkaitan di antara pembelajaran dengan proses kognitif pelajar (dalam Mazlan Mohamad, 1996:43).

1.2 Pernyataan Masalah

Hasil seni seperti lukisan, catan dan sebagainya, akan dapat dilihat sama ada ia dihasilkan dengan bentuk yang sempurna atau tidak. Adakah ia lahir daripada pemikiran rasional mereka yang mentafsirkan kefahaman dari konsep bahasa tampaknya atau memaparkan kelemahannya yang tidak memahami konsep dan struktur bentuk sebenar sesuatu objek. Sebagaimana disebutkan sebelum ini, aktiviti melukis sebenarnya adalah merupakan curahan idea yang tersirat dalam pemikiran. Lukisan atau 'drawing' merupakan kerja-kerja awal, atau gambaran yang dihasilkan oleh garisan menerusi pelbagai media atau bahan, sedangkan kemahiran dan kefahaman tentang konsep serta prinsip 'bentuk' adalah merupakan satu keperluan dalam aktiviti melukis. Apa yang dilukis adalah gambaran persepsi dan kreativiti pelajar. Hasil lukisan adalah lahir daripada pemikiran seseorang yang rasional. Jika seseorang pelajar itu dilihat gagal menghasilkan sesuatu lukisan bentuk yang dikehendaki, hal ini bermakna bahawa beliau sememangnya tidak mampu melukis bentuk dengan baik, tetapi hanya boleh menggambarkan apa yang difahami melalui deria matanya.





Dalam asas seni reka, garisan dan rupa adalah elemen penting untuk dipelajari bagi memahami bentuk. Jika pelajar gagal menguasai bentuk bermakna mereka tidak dapat ‘menggambar’ sebuah lukisan pemandangan yang menarik, tidak dapat melukis imej-imej ilustrasi dalam penghasilan poster yang baik dan sudah tentu kegagalan penguasaan kemahiran melukis akan memberi impak kepada aktiviti lain seperti mewarna, mencipta logo, melukis objek apatah lagi melukis bentuk-bentuk figura sempurna seperti manusia. Dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual, melukis bentuk adalah suatu kemestian, kerana bentuk adalah kunci kepada sesuatu rekaan yang akan menentukan sesuatu objek dapat difahami dan dikenali. Oleh sebab itu jelaslah bahawa memahami konsep bentuk adalah penting dalam kemahiran melukis, kerana kelengkapan ilmu melukis adalah berdasarkan daya kefahaman terhadap ciri-ciri dan prinsip-prinsip rekaan seperti ton, bentuk, dan gubahan komposisi sesuatu karya lukisan.

Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pendidikan Malaysia, (2000), menyatakan; Pendidikan Seni Visual sekolah menengah menjurus kepada seni tampak dan tidak merujuk kepada seni lain yang melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetika dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, konsepsi dan imaginasi pelajar. Dengan ini pelajar diharapkan dapat mengamalkan dan meningkatkan lagi kemahiran serta mampu berkarya secara rasional dan bijak. Salah satu daripada kemahiran yang dimaksudkan adalah melukis. Memahami cara dan kaedah melukis bentuk sangat penting sebagai asas kemahiran melukis objek untuk mengaplikasikan kefahaman mereka dalam aktiviti





penghasilan kerja seni yang lain seperti seni halus, seni grafik, seni reka industri dan lain-lain lagi.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hasil karya pelajar serta mengenal pasti keperluan-keperluan mereka dari segi persediaan minat, tingkahlaku dan psikomotor mereka terhadap pembelajaran melukis bentuk. Melalui kajian ini juga dapatlah dilihat apakah sebenarnya yang mereka pelajari dan apa yang mereka lakukan semasa pembelajaran berlangsung serta faktor-faktor yang mempengaruhi hasil karya mereka.



Ojektif kajian ini secara khususnya akan mengenal pasti:

- 1.3.1 Apakah faktor yang menguasai tahap dan keupayaan pelajar melukis?
- 1.3.2 Apakah yang mereka faham tentang konsep bentuk?
- 1.3.3 Apakah keperluan-keperluan yang boleh membantu pelajar melukis dengan baik?
- 1.3.4 Apakah faktor rangsangan dan suasana persekitaran yang tersedia untuk pelajar membina keyakinan diri semasa melukis bentuk?
- 1.3.5 Apakah elemen dan prinsip seni serta tafsiran psikologi, budaya dan bentuk penguasaan bidang yang mempengaruhi lukisan mereka?





1.4 Persoalan Kajian

Beberapa bentuk persoalan telah dirangka sebagai garis panduan dalam mencapai objektif kajian. Soalan-soalannya ialah;

- 1.4.1 Bagaimana tahap dan keupayaan pelajar melukis?
- 1.4.2 Apakah yang mereka tahu tentang bentuk dan memahaminya sebagai salah satu elemen penting dalam sesebuah karya?
- 1.4.3 Apakah sebenarnya keperluan-keperluan yang berupaya membantu pelajar melukis bentuk dengan baik?
- 1.4.4 Bagaimanakah faktor rangsangan dan suasana persekitaran yang tersedia untuk pelajar membina keyakinan diri semasa melukis bentuk?
- 1.4.5 Memastikan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dalam menggunakan aspek formalistik semasa menghasilkan karya?



1.5 Kepentingan Kajian

Dalam konteks pendidikan, kajian ini mempunyai kepentingan untuk menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada pelajar, guru, sekolah serta pihak-pihak yang berkaitan dalam mengenal pasti kelemahan dan seterusnya menambahbaikkan kekurangan yang mungkin wujud. Ia mungkin merupakan langkah-langkah perubahan yang lebih fleksibel





dan bersifat alternatif ke atas aktiviti-aktiviti seni visual yang sedia ada dengan kepelbagaian teknik untuk menghasilkan karya.

Kepentingan kajian dilihat dari sudut keperluan perancangan yang lebih teliti oleh panitia Pendidikan Seni Visual di sekolah semasa menyediakan rancangan pelajaran tahunannya dan dilaksanakan oleh guru-guru semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas. Melalui perancangan yang lebih teratur serta menjurus kepada pembentukan kemahiran berfikir dan kemahiran psikomotor, pengajaran dan pembelajaran boleh dibina melalui kepelbagaian kaedah serta stail yang mendorong ke arah pembelajaran melukis bentuk yang lebih mantap dan berkesan.



Melalui hasil dapatan kajian, ia diharapkan dapat menjadi ukuran dan panduan kepada pihak-pihak tertentu selain pihak sekolah, seperti Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia seterusnya Pusat Perkembangan Kurikulum dalam menentukan arah dan masa depan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya bagi kemahiran melukis bentuk itu sendiri. Seterusnya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual perlu menjadi penyumbang kepada pembangunan pendidikan di sekolah dalam apa juga bidang termasuklah bidang Bahasa, Sains dan Matematik, Kemanusiaan serta Teknik dan Vokasional.

Melalui usaha tersebut, dapatlah diketahui sebarang kekurangan dan kelemahan selama ini yang mungkin tidak disedari yang telah melambatkan proses perkembangan serta kemajuan yang sepatutnya dapat dicapai lebih awal. Dengan perkataan lain, kajian seperti ini perlu digalakkan dan diperbanyakkan bagi memberi peluang kepada seni





visual untuk terus berkembang dengan sihat sebagai salah satu cabang ilmu yang bermanfaat kepada kehidupan dunia dan akhirat.

1.6 Batasan Kajian

Lokasi kajian ialah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yoke Kuan, Sekinchan, Selangor. Sekolah gred A ini, terdiri dari pelajar tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Mereka berasal daripada keluarga yang mempunyai latarbelakang ekonomi dan budaya serta adat resam yang berbeza. Meskipun kajian ini tidak mengambil kira ciri-ciri latarbelakang sosial secara total, namun ia dianggap mewakili sebilangan populasi pelajar di sekolah itu. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yoke Kuan merupakan sekolah harian yang terletak di daerah Sabak Bernam, Selangor ini adalah di antara sekolah luar bandar yang mencapai keputusan peperiksaan awam yang agak cemerlang, terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Unikny, kebanyakan pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah pelajar dari aliran sains.

Kajian ini berfokus kepada pelajar tingkatan tiga yang melibatkan hanya lima orang sasaran kajian, dan dipilih mengikut majoriti, iaitu dua pelajar Cina, dua pelajar Melayu dan seorang pelajar India tingkatan tiga dari kelas pencapaian sederhana.





Persoalan isu dan permasalahan kajian adalah berasaskan kepada persekitaran sekolah ini sahaja.

1.7 Definisi Istilah

Keutamaan adalah ke atas beberapa perkataan yang digunakan sebagai tajuk disertasi iaitu Aspek, Formalistik, Lukisan Pelajar, Faktor, Mempengaruhinya. Seterusnya akan diberi perhatian akan perkataan-perkataan penting tertentu yang menjadi kunci dalam kajian ini seperti Analisis, Lukisan, Bentuk, Keupayaan dan Melukis.



1.7.1 Aspek

Menurut Kamus Dewan (2000), aspek boleh dimaksudkan sebagai: Segi, sudut, bahagian (untuk diberikan perhatian dan sebagainya) (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:69)

Aspek atau '*Aspect*' bermaksud '*appearance*' (Eastview School Dictionary For KBSM. 1990;22)

Takrif aspek dalam kajian ini pengkhususan terhadap perkara yang tertentu iaitu bidang formalistik.



1.7.2 Formalistik

Seterusnya, formalistik boleh didifinisikan sebagai: Terlalu berpegang kepada bentuk (ketentuan dan sebagainya) (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:354)

Selain itu formalistik atau '*Formalistic*'- boleh membawa maksud '*formality: which is necessary in order to follow the rules etc.*' (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:154)

Takrif formalistik dalam kajian ini adalah elemen dan prinsip seni dalam lukisan.

1.7.3 Lukisan pelajar

Lukisan pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah 5 karya dari peperiksaan akhir tahun 2005 dan 5 karya dari latihan dalam kelas yang telah dijalankan pada tahun 2006.

1.7.4 Faktor

Manakala faktor menurut kamus Dewan (2000) bermaksud: Unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil. (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:348)

Selain itu faktor atau '*Factor*' membawa maksud '*fact; one of a number of facts*' (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:141)

Takrif faktor dalam kajian ini membawa maksud punca yang menyebabkan terhasilnya karya lukisan sedemikian.



1.7.5 Mempengaruhi

Membawa maksud; Pengaruh: kuasa yang terbit daripada orang (benda dan lain-lain) atas orang (benda) lain. Mempengaruhi: berpengaruh atas sesuatu. (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:1006)

Pengaruh atau '*Influence*' bermaksud '*effect on one's mind or actions; the cause of this effect*' (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:203)

Takrif mempengaruhinya dalam kajian ini ialah perkara yang menguasai tindakan untuk menghasilkan lukisan sedemikian.

1.7.6 Analisis



Analisis bermaksud: Penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:41)

Selain itu, analisis atau '*Analysis*' bermaksud '*careful examination in the manner described*'. (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:13)

Takrif analisis dalam kajian ini adalah proses analisis ke atas 10 hasil kerja lukisan bentuk oleh 5 orang pelajar tingkatan 3.

1.7.7 Lukisan

Lukisan bermaksud: Hasil melukis, gambar (an), *cat minyak*. (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:830)





Lukisan atau '*Drawing*' bermaksud '*picture made with pencil, pen, crayon etc.*' (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:123)

Takrif lukisan dalam kajian ini ialah hasil kerja lukisan pelajar yang mengandungi elemen dan prinsip formalistik daripada peperiksaan dan latihan.

1.7.3 Bentuk

Bentuk bermaksud: Rupa, perawakan: cara, gaya, corak, susunan. (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:140)

Selain itu, bentuk bermaksud '*Form, shape, outline*' (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:154)



Takrif bentuk dalam kajian ini ialah, rupa objek berbentuk tiga dimensi yang dilukis secara ilusi di atas suatu permukaan seperti kertas dan seumpamanya. Objek bentuk yang dimaksudkan adalah objek alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, objek buatan manusia, buah-buahan dan manusia.

1.7.5 Keupayaan

Keupayaan juga membawa maksud: Kesanggupan (kebolehan) untuk mencapai atau melakukan sesuatu, kemampuan, (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:1527)

Selain itu, keupayaan juga bermaksud '*Capability - able, having the power or cleverness to do something*'. (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:56)





Takrif keupayaan dalam kajian ini ialah, daya kemampuan dan kebolehan pelajar melukis bentuk yang mengandungi ciri-ciri serta elemen bentuk sesuatu objek.

1.7.6 Melukis

Melukis bermaksud: membuat gambar, peta dan sebagainya (dengan menggunakan pensel, pensel warna, cat air, cat minyak dan sebagainya). (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:830)

Selain itu, melukis bermaksud: '*Draw - make a picture using a pencil, pen, crayon etc.*'. (Eastview School Dictionary For KBSM, 1990:123)

Takrif melukis dalam kajian ini ialah, aktiviti melukis bentuk objek di sekolah samada semasa latihan pembelajaran atau semasa peperiksaan.

1.8 Rumusan

Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) bukan sahaja penting dalam membentuk daya kretiviti seseorang, malahan mampu membina pelbagai kemahiran jika pelajar berupaya melakukannya. Pelbagai aktivitinya menggalakkan pelajar berdikari dengan kemahiran-kemahiran seni visual yang menggunakan kebolehan, kecenderungan serta keupayaan untuk melakukan sesuatu yang terbaik. Kemahiran dan kebolehan serta kecenderungan boleh dipupuk dan dibentuk secara beransur-ansur, manakala keupayaan





adalah daya usaha pelajar itu sendiri. Jika seseorang pelajar berkemahuan untuk mahir, maka beliau perlu berkeupayaan untuk berusaha, kerana keupayaan bukan semuanya yang berasal dan bersifat secara semulajadi.

Analisis adalah salah satu kaedah terbaik di mana proses untuk menentukan sifat (struktur, juzuk, komposisi) sesuatu bahan. (Kamus Dewan: Edisi Ketiga, 2000:41), yang digunakan untuk membedah-siasat hasil karya lukisan pelajar bagi meneliti keupayaan pengetahuan dalam aspek seni dan kemahirannya melukis bentuk. Meninjau aspek formalistik dalam karya pelajar adalah sesuatu yang wajar dilakukan bagi menilai keupayaan serta keperluan dan apakah tindakan lanjut yang mampu dilakukan oleh guru untuk membantu meningkatkan kemahiran pelajar-pelajarnya menghasilkan karya.

